

# KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

No. Pendaftaran : ( 4981 )  
No. 12A , Jalan TTDI Groves 1/2, Taman TTDI Grove, 43000 Kajang , Selangor  
No.Te l: 03.8733.2705 / 2597 No. Faks : 03 8733 0427  
Email : admin@koobpm.com.my

NO. FAIL: KKBPMB/ADMIN/(C)MDL & SY AGG/14(2)  
Tarikh: 15 Februari 2014.

Semua Anggota  
Koperasi Bank Pertanian Malaysia(KoBPM) Berhad

Tuan/Puan,

## PENINGKATAN MODAL SYER ANGGOTA

Sukacita dimaklumkan bahawa usul untuk meminda perkara 55 (1), Undang-undang Kecil Koperasi berkaitan Modal Syer Anggota telah diterima oleh Anggota Perwakilan di Mesyuarat Agung Perwakilan bagi tahun 2013 pada 28 September 2013 dengan sebulat suara.

Usul yang dicadangkan adalah untuk meningkatkan nilai sumbangan minima Modal Syer keanggotaan daripada RM1,000 kepada RM2,000.

Rasional cadangan ini ialah:-

- (a) Untuk meningkatkan dana modal syer Anggota Koperasi ke tahap RM5.0 juta, agar Koperasi dapat menggunakan bagi melaksanakan aktiviti semasa dan akan datang.
- (b) Sepertimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Koperasi dilarang menggunakan Dana Modal Yuran Anggota di dalam urusan/transaksi aktiviti Koperasi. Dana Modal Yuran Koperasi hanya boleh digunakan bagi aktiviti pembiayaan kepada Anggota sahaja.

Pindaan kepada perkara 55 (1) Undang-undang Kecil ini akan dilaksanakan mulai 1/3/2014 setelah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 7/2/14.

Walaubagaimana pun ~~disyorkan~~ adalah ~~disyorkan~~ dan ~~digalakkan~~ kepada semua Anggota Koperasi untuk membuat penambahan modal syer Anggota ini melalui:-

1. Ansuran secara bulanan melalui potongan gaji (maksimum 12 blan sahaja).
2. Mempermudahkan dividen-dividen yang diterima.

3. Perpindahan daripada Modal Yuran kepada Modal Syer Anggota.
4. Memohon pembiayaan khas bagi tujuan penambahan Modal Syer Anggota.

Sayugia dimaklumkan bahawa mengikut Seksyen 33 AKTA Koperasi Tahun 1993 (Akta 502), seseorang anggota hanya dibenarkan memegang tidak lebih daripada satu perlama daripada modal syer Anggota terkumpul Koperasi.


Perhatian serta tindakan semua Anggota adalah dialu-alukan. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pengurus Besar atau Pengurus Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Koperasi.

Yang benar  
KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA(KoBPM)BERHAD



(AHMAD AZAMUDDIN AMAN)  
Setiausaha

- |      |      |                                   |
|------|------|-----------------------------------|
| s.k. | i.   | Pengerusi                         |
|      | ii   | Bendahari                         |
|      | iii. | Pengurus Besar                    |
|      | iv.  | Pengurus Pentadbiran dan Kewangan |



# KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

No. 12A, Jalan TTDI Groves 1/2,  
Taman TTDI Grove  
43000 Kajang, Selangor Darul  
Ehsan Tel : 03-87332705 / 2597  
Fax: 03-87330427

## BORANG JAWAPAN

BIL ANGGOTA: \_\_\_\_\_

NAMA: \_\_\_\_\_

ALAMAT: AGROBANK/

TARIKH: \_\_\_\_\_

Tuan/Puan,

### PENINGKATAN MODAL SYER ANGGOTA

Sebagaimana surat pekeliling No. Fail: **KKBPM/ADMIN/MDL & Sy AGG/14 (2)** bertarikh **15 Februari 2014** berhubung dengan usul untuk meminda perkara 55 (1), Undang-undang Kecil Koperasi berkaitan Modal Syer Anggota, saya dengan sukacitanya bersetuju untuk menambah modal syer Anggota saya melalui:-

Ansuran secara bulanan potongan gaji sebanyak RM \_\_\_\_\_  
(Selama 12 bulan)

Perpindahan Modal Yuran kepada Modal Syer Anggota Sebanyak RM \_\_\_\_\_

Memohon pembiayaan khas bagi tujuan penambahan Modal Yuran Anggota Sebanyak RM \_\_\_\_\_  
*(Tidak melebihi RM2,500)*

Mempermodalkan dividen-dividen yang diterima \_\_\_\_\_

\*(Tanda (I) pada petak berkenaan

P/S: Sila Photostate notis peningkatan modal  
syer Anggota ini untuk diedarkan kepada  
Anggota-anggota yang lain

Yang benar,

( )